

MAHATHIR - BUMIPUTERA 'R'R'R'
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 10 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI ADALAH TIDAK ADIL UNTUK MENONJOLKAN PARA USAHAWAN JEPUN SEBAGAI SATU-SATUNYA PIHAK YANG MEMPUNYAI PRASANGKA TERHADAP AHLI-AHLI PERNIAGAAN BUMIPUTERA.

"TERDAPAT JUGA PIHAK-PIHAK LAIN YANG BERSIKAP DEMIKIAN TERHADAP BUMIPUTERA," KATA PERDANA MENTERI.

KATANYA BELIAU TIDAK MENGETI MENGAPA "ORANG" KINI TIBA-TIBA MENGARAHKAN PERHATIAN TERHADAP PIHAK JEPUN SEDANGKAN SELAMA INI PIHAK-PIHAK LAIN YANG MENDAPAT KONTRAK JUGA MENGENEPIKAN BUMIPUTERA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENJAWAB SATU SOALAN KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SEBELUM BERLEPAS UNTUK LAWATAN RASMI KE TURKI, YUGOSLAVIA DAN ROMANIA.

DATUK SRI DR. MAHATHIR TELAH DITANYA SAMA ADA PERKARA TERSEBUT MERUPAKAN SATU DARIPADA TAJUK PERBINCANGANNYA DENGAN PERDANA MENTERI JEPUN ENCIK YASUHIRO NAKASONE SEMALAM. -- LAGI 1445/II

MAHATHIR - BUMIPUTERA 2 KUALA LUMPUR

SEBELUM ENCIK NAKASONE MELAWAT KE SINI, AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN TELAH MENGELUARKAN LAPORAN-LAPORAN YANG MEMETIK SYARIKAT-SYARIKAT BUMIPUTERA SEBAGAI BERKATA MEREKA TIDAK SENANG DENGAN SIKAP PARA USAHAWAN JEPUN TERHADAP BUMIPUTERA.

SYARIKAT-SYARIKAT ITU MENDAKWA MASALAH INILAH YANG MERUPAKAN PENGHALANG BAGI MEREKA MENDAPATKAN BAHAGIAN YANG SAKSAMA DALAM PERDAGANGAN JEPUN-MALAYSIA.

TERDAPAT JUGA DAKAWAAN OLEH PARA KONTRAKTOR BUMIPUTERA BAHAWA SYARIKAT-SYARIKAT JEPUN YANG MEMENANGI KONTRAK PEMBINAAN YANG BERNILAI RIBUAN JUTA RINGGIT TELAH MENGAMALKAN SATU KONSEP BARU "ALI BABA", IAITU DENGAN MENGAMBIL RAKAN KONGSI BUMIPUTERA HANYA UNTUK MENDAPATKAN PRA-KELAYAKAN BAGI TENDER.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA-PERKARA SEPERTI INI TELAH DIBINCANGKAN DENGAN ENCIK NAKASONE TETAPI "TIDAK TERDAPAT SESUATU MENGENAI KEDUDUKAN PARA KONTRAKTOR BUMIPUTERA YANG HENDAK DIBINCANGKAN." -- LAGI 1450/II

ZCZC 8570

MAHATHIR - BUMIPUTERA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU ENGGAN MENGULAS APABILA DITANYA SAMA ADA PIHAK JEPUN TELAH MEMBERI JAMINAN AKAN MENGATASI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH AHLI-AHLI PERNIAGAAN BUMIPUTERA.

BELIAU BERKATA "APABILA KITA MEMINTA PIHAK JEPUN MEMBUAT SESUATU, MEREKA AKAN MEMBUATNYA."

"SAYA TIDAK MEMPUNYA APA-APA MASALAH DENGAN MEREKA," TAMBAH BELIAU.

"APABILA KITA BERBINCANG DENGAN MEREKA, MEREKA MEMBERI SAMBUTAN, MALAH LEBIH DARIPADA PIHAK-PIHAK LAIN."

DENGAN DEMIKIAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, BELIAU SUNGGUH BERPUAS HATI DENGAN LAWATAN ENCIK NAKASONE YANG BERAKHIR HARI INI.

-- BERNAMA 1453/II